

# Malaysia sedia buka semula siasatan kehilangan MH370

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulia.com.my


**PETALING JAYA:** Malaysia bersedia membuka semula siasatan berhubung insiden kehilangan pesawat Malaysia Airlines, MH370 yang hilang tanpa dikesan sejak 10 tahun lalu sekiranya mempunyai bukti baharu dan kukuh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan sedar kerana isu kehilangan pesawat itu memberi kesan kepada rakyat.

“Mengenai insiden memabitkan (MH)370, kami telah mengambil pendirian mengenainya jika ada bukti kukuh yang memerlukan kes itu dibuka semula, kami pasti akan buat demikian.

“Saya dengan sukacita bersedia membuka semula kes ini. Saya tidak fikir ia merupakan isu taktikal teknikal, sebaliknya ia memabitkan isu kehidupan dan apa sahaja yang perlu dilakukan, harus dilakukan,” katanya dalam sidang media bersama Perdana Menteri Australia, Anthony Albanese di Melbourne bersempena lawatan rasmi ke negara itu.

Pada 8 Mac 2014, pesawat yang membawa sebanyak 239 penumpang dan anak kapal itu berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Beijing, China namun hilang daripada skrin radar dua jam kemudian.



**ANWAR** Ibrahim mengadakan pertemuan dengan rakan sejawat, Anthony Albanese di Melbourne, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

Susulan itu, operasi mencari secara besar-besaran memabitkan beberapa negara dijalankan di kawasan berkeluasan berjuta-juta kilometer persegi di selatan Lautan Hindi namun pesawat MH370 atau bangkainya gagal ditemukan sehingga kini.

Semalam, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, kerajaan bersedia untuk mempertimbang

cadangan untuk memulakan semula operasi pencarian pesawat Malaysia Airlines MH370 yang hilang tanpa dikesan sejak 10 tahun lalu.

Katanya, kementeriannya turut bersedia untuk menjemput pihak firma penerokaan dasar laut, Ocean Infinity ke Malaysia untuk memberi taklimat kepadanya.

Dalam pada itu, Albanese

berkata, beliau memahami kesedihan dan kesengsaraan yang dialami oleh ahli keluarga mangsa melibatkan 239 penumpang termasuk enam warga Australia.

“Kami memahami bahawa ini adalah saat yang begitu sukar kepada ahli keluarga mangsa kerana mereka gagal mendapat kepastian dengan misi pencarian yang berjaya. Ia amat sukar,” katanya.